

No. Rujukan: (33) PSMB1/14/13 Kulit 3

Tarikh: 12 September 2024

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN NO. 4/2024

PELAKSANAAN E-INVOIS

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua majikan, penyedia latihan, tenaga pengajar, dan individu yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) berkenaan pelaksanaan e-Invois serta pengumpulan maklumat yang diperlukan daripada semua pihak berkepentingan untuk menyokong pelaksanaannya.

2.0 LATAR BELAKANG

- Selaras dengan pengumuman Belanjawan 2024 oleh Kerajaan, HRD Corp melaksanakan e-Invois untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai negara sebagai memenuhi keperluan kemajuan teknologi semasa.
- Pelaksanaan ini melibatkan semua majikan, tenaga pengajar, penyedia latihan, dan individu.

3.0 E-INVOIS

- e-Invois memerlukan maklumat daripada majikan, penyedia latihan, dan individu yang tidak terdapat dalam pangkalan data HRD Corp, seperti Nombor Pengenalan Cukai, Nombor Pendaftaran Jualan dan Perkhidmatan (SST), Kod Klasifikasi Perindustrian Standard Malaysia (MSIC), Kod Pengelasan LHDN, serta butiran lain.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (545143-D)

Wisma HRD Corp, Jalan Beringin, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

1800 88 4800 | www.hrdcorp.gov.my



- 3.2 HRD Corp akan berhubung dengan semua pemegang taruh mengenai maklumat yang diperlukan berkenaan pelaksanaan ini melalui e-mel dan laman sesawang rasmi kami.

4.0 TARIKH PELAKSANAAN

- 4.1 Inisiatif e-Invois akan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025**.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1800-88-4800 atau e-mel ke support@hrdcorp.gov.my

Terima kasih.

**Membawakan Kualiti, Membangunkan Kecemerlangan
'Malaysia MADANI'**



DATUK WIRA SHAHUL DAWOOD

Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad